

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU, KUALA TERENGGANU.

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BIL. 1/1984.

DASAR PERMOHONAN TUKAR SYARAT KEPADA BANGUNAN BAGI TANAH YANG BERKELUASAN LEBIH DARIPADA 3 HEKTAR.

Arahan ini bertujuan memberitahu semua Pemungut Hasil Tanah dan jabatan-jabatan teknikal mengenai keputusan terbaharu Pihak Berkuasa berkaitan dengan permohonan tukar syarat tanah.

2. Tanah yang berkeluasan kurang daripada 3 hektar hendaklah diproses permohonannya seperti biasa dan diselesaikan dalam tempoh 3 bulan sebagaimana mengikut Arahan Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu Bil. 5/1983.
3. Bagi tanah luasnya melebihi 3 hektar sebagaimana yang diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Ekonomi Negeri pada 11hb. Jun, 1984 yang mana peringatan mesyuarat disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 24hb. Julai, 1984 dalam Kertas Mesyuarat Bil. 607/84, penilaian oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri adalah diperlukan sebelum permohonan tukar syarat tanah boleh dipertimbangkan.
4. Sebagai melicinkan urusan pemerosesan permohonan tukar syarat kepada bangunan bagi tanah yang luasnya melebihi 3 hektar, garis panduan berikut hendaklah diikuti:-
 - 1) Pemohon menghubungi Unit Perancang Ekonomi Negeri supaya dikaji dan dinilai rancangan yang ingin dibangunkan.
 - 2) Unit Perancang Ekonomi Negeri akan mengeluarkan surat perakuan kepada pemohon menandakan bahawa permohonannya untuk menukar syarat boleh diterima. Nombor lot tanah, keterangan hakmilik dan butir pemilikan perlu dinyatakan dalam surat tersebut serta juga syarat-syarat yang akan dikenakan.
 - 3) Pemungut Hasil Tanah hanya akan memproseskan tukar syarat kepada 'Bangunan' bagi tanah yang melebihi 3 hektar jika permohonan itu disertakan dengan surat Unit Perancang Ekonomi Negeri. Jika tidak Pemungut Hasil Tanah tidak perlu memprosesnya dan mengambil perjalanan sebagaimana biasa dengan mengangkat syor TOLAK.
 - 4) Satu salinan surat Unit Perancang Ekonomi Negeri hendaklah disertakan apabila Pemungut Hasil Tanah mengangkat laporan kepada Pengarah Tanah dan Galian untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri. Syarat-syarat yang dikenakan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri, jika ada perlulah dimasukkan 'Lain-lain Syarat' dalam laporan kepada Pengarah Tanah dan Galian.
5. Arahan Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu Bil. 3/1983 dengan ini dibatalkan.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

(TENGGU SERI INDERA RAJA)
Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu.

Edaran:

1. Semua Pemungut Hasil Tanah, Terengganu.
2. Semua Pihak Berkuasa Tempatan, Terengganu.
3. Pengarah Perancang Bandar dan Desa, Terengganu.
4. Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri, Terengganu.
5. Pengarah Jabatan Parit dan Taliair, Terengganu.
6. Pengarah Pertanian Negeri, Terengganu.

s.k.

1. Yang Berhormat, Setiausaha Kerajaan, Terengganu.
2. Yang Berhormat, Penasihat Undang-undang Negeri, Terengganu.
3. Yang Berhormat, Pegawai Kewangan Negeri, Terengganu.
4. Unit Perancang Ekonomi Negeri, Terengganu.
5. Semua Timbalan/ Penolong Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu.

P.T.G. TR. 13/66/1 Jld. 3 - (1).

P.T.G. TR. 13/464.

P.T.G. TR. 13/656.

P.T.G. TR. (KT2) 7/635.

Tarikh: 12hb. Ogos, 1984.
14hb. Z' kaedah, 1404.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

(TENGGU SERI INDIRA RADA)
Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu